KANDUPILLAI KRISHNAN A

lwn.

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI KEMENTERIAN DALAM NEGERI MALAYSIA & YANG LAIN B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOHD ZAWAWI SALLEH H
[SAMAN PEMULA NO: R2-24-50-2010]
16 NOVEMBER 2010 C

PROSEDUR JENAYAH: *Tahanan pencegahan - Habeas corpus - Permohonan - Sama ada tahanan pemohon sah - Perlanjutan perintah tahanan cacat kerana tidak mematuhi arts. 5, 8 & 11 Perlembagaan Persekutuan dan bertentangan dengan s. 11A Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 - Alasan bagi melanjutkan perintah tidak menggambarkan alasan di mana perintah tahanan asal dilanjutkan - Sama ada pemohon harus dibebaskan* D

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN: *Kebebasan asasi - Tahanan - Perlanjutan perintah tahanan cacat kerana tidak mematuhi arts. 5, 8 & 11 Perlembagaan Persekutuan dan bertentangan dengan s. 11A Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas), 1985 - Pematuhan ketat kepada prosedur yang ditetapkan diperlukan bagi melanjutkan perintah tahanan* E

Responden pertama telah mengeluarkan Perintah Tahanan bertarikh 25 April 2008 di mana plaintif telah diperintahkan supaya ditahan selama dua tahun di Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah, Perak ("Perintah Tahanan"). Pada 23 April 2010, sehari sebelum Perintah Tahanan luput, defendan pertama telah mengeluarkan satu Perintah Tahanan Lanjutan bertarikh 23 April 2010 ("Perintah Perlanjutan") di mana plaintif diperintahkan untuk ditahan selama dua tahun lagi di pusat yang sama. Walau bagaimanapun, pada 24 April 2010, defendan pertama telah mengemukakan Perintah Penggantungan terhadap Perintah Perlanjutan di mana plaintif disekat di Daerah Bentong, Pahang selama dua tahun mulai daripada 24 April 2010. Melalui satu saman pemula bertarikh 14 Jun 2010, plaintif memohon kepada mahkamah untuk perintah-perintah berikut: (i) satu deklarasi bahawa Perlanjutan Perintah Tahanan dan Penggantungan F G H I

A Perlanjutan Perintah bertarikh 23 April 2010 adalah tidak sah kerana bertentangan dengan art. 5, 8, dan/atau 11 Perlembagaan Persekutuan dan bertentangan dengan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985; dan (ii) satu perintah supaya plaintif dibebaskan dengan serta merta. Peguam plaintif B berhujah bahawa Perlanjutan Perintah Tahanan dan Penggantungan Perlanjutan Perintah tersebut adalah tidak sah kerana bertentangan dengan s. 11A Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta 316) atas dua alasan berikut. Pertama, dihujah bahawa adalah jelas dari perintah C perlanjutan itu sendiri bahawa defendan pertama bergantung kepada s. 11A(a), (aa) Akta 316 untuk membuat Perintah Perlanjutan. Justeru dihujahkan, memandangkan perkataan-perkataan "sedang ada kaitan" dipotong dan/atau ditinggalkan dalam Perintah Perlanjutan, defendan pertama adalah khilaf apabila D beliau menyatakan bahawa Perintah Perlanjutan dibuat atas alasan yang sama seperti perintah asal, menurut s. 11A(a), (aa) Akta 316. Alasan Perintah Perlanjutan adalah tidak sama dengan alasan perintah tahanan asal. Dengan itu, ia secara bertentangan dengan peruntukan jelas s. 11A Akta 316. Kedua, dihujahkan bahawa E undang-undang pencegahan hendaklah ditafsirkan secara ketat kerana ia melibatkan hak-hak asasi yang dijamin di bawah art. 5 Perlembagaan Persekutuan. Dihujahkan bahawa pentafsiran ketat terhadap s. 11A(1)(a)(aa) Akta 316 akan menunjukkan bahawa terdapat percanggahan ("inconsistency") antara alasan yang F digunakan dan kehendak seksyen yang berkaitan.

Diputuskan (membatalkan Perintah Perlanjutan dan Perintah Penggantungan bertarikh 23 April 2010 dan membebaskan plaintif dengan serta-merta):

G **(1)** Dalam perkara yang berhubung dengan tahanan pencegahan di mana seseorang ditahan tanpa bicara, apa-apa kecacatan dalam perintah tahanan boleh diambil faedah oleh orang berkenaan. Sekiranya sesuatu Perintah Tahanan, Perintah Perlanjutan tahanan dan/atau Perintah Penggantungan dibuat tanpa H mematuhi prosedur yang ditetapkan, perintah-perintah berkenaan adalah cacat, tidak sah dan tidak berkuatkuasa. (perenggan 16)

(2) Seksyen 11A(1) Akta 316 menetapkan prosedur di mana I Menteri boleh melanjutkan sesuatu perintah yang dikeluarkan dan menghendaki beliau menyatakan alasan-alasan di mana

perlanjutan perintah dibuat. Terdapat tiga keadaan alasan-alasan yang boleh dipilih iaitu (aa), (bb) dan (cc). Walau bagaimanapun, alasan-alasan yang telah dipilih oleh defendan pertama bagi melanjutkan perintah tidak menggambarkan alasan di mana perintah asal tersebut dilanjutkan. Kegagalan responden pertama memilih cabang yang betul menunjukkan "on the face of the order itself it is *ex facie* irregular" dan menjadinya tidak sah dan tidak berkuatkuasa. (perenggan 20 & 21)

(3) Apabila perkataan-perkataan "sedang ada kaitan" telah dipotong dan/atau ditinggalkan, alasan-alasan bagi Perlanjutan Perintah itu tidak lagi merupakan alasan-alasan yang sama dan s. 11A(1) perenggan (aa) Akta 316 tidak lagi terpakai dan relevan. (perenggan 23)

(4) "Undang-undang" dalam makna art. 5(1) Perlembagaan Persekutuan termasuklah undang-undang prosedur, terutama prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis. Pematuhan ketat prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis adalah perlu bagi melindungi kebebasan rakyat terhadap pencerobohan oleh tindakan pihak eksekutif. Prosedur dalam s. 11A Akta 316 bukanlah dibuat oleh mahkamah tetapi ditetapkan oleh Statut. Ia bukan berkaitan dengan kepuasan subjektif Menteri Dalam Negeri untuk mengeluarkan Perintah Tahanan, Perintah Perlanjutan atau Perintah Penggantungan tetapi berkaitan dengan prosedur ketat yang perlu dipatuhi sekiranya Menteri Dalam Negeri ingin melanjutkan perintah berkenaan. (perenggan 26 & 28)

Kes-kes yang dirujuk:

Bhutnath v. State of West Bengal AIR [1974] SC 806 ***(dirujuk)***

Foglar State of West Benghal AIR [1975] SC 245 ***(dirujuk)***

Gurcharan Singh Bachittar Singh v. Penguasa, Tempat Tahanan Perlindungan Kamunting, Taiping & Ors & Another Appeal [2000] 1 CLJ 625 CA ***(dirujuk)***

Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Minister Of Home Affairs), Malaysia [1969] 1 LNS 65 FC ***(dirujuk)***

Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2005] 3 CLJ 914 FC ***(dirujuk)***

Lee Weng Kin v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors [1991] 2 CLJ 1301; [1991] 1 CLJ (Rep) 259 SC ***(dirujuk)***

Mohd Amin Mohd Yusoh v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor [1995] 1 CLJ 94 HC ***(dirujuk)***

A *Muhammad Atam Abdul Wahab v. Minister of Home Affairs & Anor [2000] 8 CLJ 402 HC* ***(dirujuk)***
PP v. Koh Yoke Koon [1988] 2 CLJ 182; [1988] 1 CLJ (Rep) 269 SC ***(dirujuk)***
Re Datuk James Wong Kim Min; Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min [1976] 1 LNS 129 FC ***(dirujuk)***
B *Tan Tek Seng v. Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan [1966] 1 MLJ 268* ***(dirujuk)***
Union of India v. Yumnan Anand M Alias Bocha Kora Alias Suraj [2007] 10 SCC 190 ***(dirujuk)***
Zali Shariff v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor [2004] 5 CLJ 296 HC ***(dirujuk)***
C

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, ss. 6(1), 11A(1)(a), (b), (c), (aa), (bb), (cc)
Federal Constitution, arts. 5(1), 8, 11
D

Bagi pihak plaintif - Sivananthan (Tina Ong bersamanya); T/n Sivananthan
Bagi pihak defendan-defendan - Zafran Zafri, Peguam Kanan Persekutuan

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

E

PENGHAKIMAN

Mohd Zawawi Salleh H:

F **Pendahuluan**

[1] Melalui satu saman pemula bertarikh 14 Jun 2010, plaintif memohon kepada mahkamah untuk perintah-perintah yang berikut:

G (a) Satu deklarasi bahawa Perlanjutan Perintah Tahanan bertarikh 23 April 2010 dan Penggantungan Perlanjutan Perintah bertarikh 23 April 2010 yang dikeluarkan oleh defendan pertama adalah tidak sah kerana bertentangan dengan art. 5, 8, dan/atau art. 11 Perlembagaan Persekutuan;

H (b) Satu deklarasi bahawa Perlanjutan Perintah Tahanan bertarikh 23 April 2010 dan Penggantungan Perlanjutan Tahanan bertarikh 23 April 2010 yang dikeluarkan oleh defendan pertama adalah tidak sah kerana bertentangan dengan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas), 1985;
I

(c) Lanjutan daripada itu satu perintah dikeluarkan ke atas defendan-defendan yang dinamakan di atas dan memerintahkan pemohon yang dinamakan di atas dikemukakan di hadapan mahkamah dan dibebaskan dengan serta merta dan menanggung serta menerima semua arahan, perkara dan hal yang mahkamah ini akan menimbangkan tentang dan bagi pihak plaintif; dan

(d) Lain-lain relif yang difikirkan sesuai oleh mahkamah yang mulia ini.

Latar Belakang Kes

[2] Plaintif telah ditangkap pada 25 Februari 2008 di Taman Seri Sentosa dan ditahan di Balai Polis Kuala Lumpur selama 62 hari. Responden pertama telah mengeluarkan perintah tahanan bertarikh 25 April 2008 di mana plaintif telah diperintahkan supaya ditahan selama dua tahun di Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah, Perak ("Perintah Tahanan").

[3] Perintah Tahanan adalah seperti berikut:

> Bahawasanya selepas menimbangkan laporan lengkap penyiasatan dan laporan Pegawai Siasatan yang dikemukakan, saya adalah berpuas hati bahawa orang yang namanya tersebut di bawah pernah ada atau **sedang ada kaitan** dengan aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya dan adalah perlu bagi ketenteraman awam supaya penama ditahan. (penekanan ditambah)

[4] Pada 23 April 2010, sehari sebelum Perintah Tahanan luput, defendan pertama telah mengeluarkan satu Perintah Tahanan Lanjutan bertarikh 23 April 2010 ("Perintah Perlanjutan") di mana plaintif diperintahkan untuk ditahan selama dua tahun lagi di pusat yang sama. Perintah Perlanjutan ialah seperti berikut:

> Bahawa penama pernah ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya yang memudaratkan ketenteraman awam dan adalah perlu bagi ketenteraman awam supaya penama ditahan.

[5] Walaubagaimanapun, pada 24 April 2010, defendan pertama telah mengemukakan perintah penggantungan terhadap perintah perlanjutan di mana plaintif disekat di Daerah Bentong, Pahang selama dua tahun mulai daripada 24 April 2010.

A **Isu Yang Perlu Diputuskan**

[6] Semasa pendengaran saman pemula ini, isu tunggal yang dikemukakan oleh peguambela bijaksana plaintif ialah sama ada perintah perlanjutan dan perintah penggantungan bertarikh 23 April
B 2010 tersebut tidak sah dan bertentangan dengan peruntukan s. 11A Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985. (Akta 316)

Hujah Peguambela Pemohon

C **[7]** Peguambela bijaksana pemohon berhujah bahawa Perintah Perlanjutan dan Perintah Penggantungan bertarikh 23 April 2010 adalah tidak sah kerana bertentangan dengan s. 11A Akta 316 atas dua alasan utama. Pertama, adalah jelas dari Perintah Perlanjutan itu sendiri bahawa defendan pertama bergantung
D kepada s. 11A(a), (aa) Akta 316 untuk membuat Perintah Perlanjutan. Ini dapat dilihat dari keterangan-keterangan berikut:

(a) Perintah Perlajutan menyatakan:

> Dan Bahawasanya saya berpuas hati adalah perlu tempoh
E Perintah Tahanan itu dilanjutkan atas **alasan-alasan yang sama** dengan alasan-alasan yang atasnya perintah itu dibuat iaitu ... (penekanan ditambah)

(b) Afidavit Jawapan Datuk Wira Abu Seman Yusop (Responden
F Pertama) menyatakan di perenggan 6 seperti berikut "... saya telah berpuashati bahawa permohonan terhadap Plaintif perlu dilanjutkan di bawah seksyen 11A(a) (aa) Akta tersebut ...".

[8] Seksyen 11 Akta 316 memperuntukkan seperti berikut:

G 11A. Minister's power to extend a detention order, a restriction order, or a suspended detention order

(1) The Minister may at any time before the expiration of the duration of:

H (a) a detention made under subsection 6(1);

(b) a restriction order made under subsection 6(3); or

(c) a detention order suspended under subsection 7(1) (hereinafter referred to as a "suspended detention
I order"),

direct that the duration of the order be extended for such further period, not exceeding two years, as he may specify, commencing immediately upon the expiration of its then current duration, and where the Minister so directs he shall set out in the direction the grounds for the extension and state whether such grounds are:

(aa) the same as the grounds on which the order was originally made;

(bb) different from the grounds on which the order was originally made;

(cc) partly the same grounds and partly different grounds.

[9] Justeru dihujahkan, memandangkan perkataan-perkataan "sedang ada kaitan" dipotong dan/atau ditinggalkan dalam Perintah Perlanjutan, defendan pertama adalah khilaf apabila beliau menyatakan bahawa perintah perlanjutan dibuat atas alasan yang sama seperti perintah asal, menurut s. 11A(a)(aa) Akta 316. Alasan perintah perlanjutan adalah tidak sama dengan alasan perintah tahanan asal. Dengan itu, ia secara bertentangan dengan peruntukan jelas s. 11A Akta 316.

[10] Kedua, undang-undang pencegahan hendaklah ditafsirkan secara ketat kerana ia melibatkan hak-hak asasi seperti yang dijamin di bawah art. 5 Perlembagaan Persekutuan. Bagi menyokong hujah beliau, rujukan dibuat kepada kes *PP v. Koh Yoke Koon* [1988] 2 CLJ 182; [1988] 1 CLJ (Rep) 269 di mana Hashim Yeop A Sani HMR berkata:

Detention not in accordance with law is inconsistent with the fundamental right guaranteed under Article 5(1) of the Federal Constitution where a law deals with detention. There are abundant authorities to show that the provisions of such law must be construed strictly and, in the case of doubt, the Court should lean in favour of the subject.

[11] Mengikut peguambela bijaksana pemohon lagi, pentafsiran ketat terhadap s. 11A(1), (a)(aa) Akta 316 akan menunjukkan bahawa terdapat percanggahan ("inconsistency") antara alasan yang digunakan dan kehendak seksyen yang berkaitan. Justeru, ia telah menjadikan Perintah Perlanjutan dan perintah penggantungan tidak sah dan tidak berkuatkuasa.

A

Hujah Defendan-Defendan

[12] Peguam Persekutuan bijaksana berhujah bahawa terdapat penjelasan oleh defendan pertama mengapa perkataan-perkataan "sedang ada kaitan" dipotong dan/atau ditinggalkan di dalam
B Perintah Perlanjutan dan Perintah Penggantungan. Penjelasan tersebut telah dinyatakan di dalam afidavit tambahan Datuk Wira Abu Seman Yusop (defendan pertama) yang diikrarkan pada 22 September 2010, perenggan 4 dan 5 seperti berikut:

C

> 4. Merujuk perenggan 8 dalam Afidavit Pertama saya sesungguhnya ingin menambah penyataan di dalamnya bagi menjawab dakwaan Plaintif dalam perenggan 7 dan 9 Afidavit Plaintif iaitu dengan menyatakan sesungguhnya bahawa saya telah menggunakan minda sepenuhnya dan berpuas hati dalam mengeluarkan Perlanjutan Perintah Tahanan di bawah Seksyen
D 11A(1)(a)(aa), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas), 1985 (selepas ini disebut sebagai "Akta tersebut") di atas alasan-alasan yang atasnyaperintah sebelumnya dibuat. Saya sesungguhnya ingin menyatakan bahawa Perintah diubah perkataan kepada "pernah ada" sahaja kerana Plaintif sedang berada di dalam tahanan Pusat
E Pemulihan Akhlak Batu Gajah, Perak (selepas ini disebut sebagai "PPA Batu Gajah, Perak"). Oleh itu perkataan "sedang ada" dibuang daripada Perlanjutan Perintah Tahanan.
>
> 5. Saya juga menyatakan bahawa pengataan-pengataan fakta yang atasnya Perintah itu diasaskanadalah sama selepas
F **saya meneliti syor daripada pihak Lembaga Penasihat yang saya terima pada 08.12.2009**. Kepuasan hati saya adalah kekal sama seperti pengataan fakta yang ada pada Perintah Tahanan terdahulu yang dibuat di bawah Seksyen 6(1) Akta tersebut. (penekanan ditambah)

G

[13] Justeru dihujahkan, adalah wajar perkataan "sedang ada kaitan" dipotong dan/atau ditinggalkan dalam Perintah Perlanjutan dan Perintah Penggantungan kerana mulai 25 April 2008 hingga 24 Julai 2010 plaintif sedang menjalani Perintah Tahanan di Pusat
H Pemulihan Akhlak, Batu Gajah, Perak. Tambahan pula, perintah perlanjutan terhadap plaintif adalah dibuat berdasarkan kepada syor oleh Lembaga Penasihat yang telah menjalankan ulangkaji terhadap perintah tahanan yang telah dibuat ke atas plaintif pada 2 Disember 2009.

I

[14] Bagi menyokong hujah beliau, Peguam Persekutuan bijaksana merujuk kepada kes tersohor, *Lee Kew Seng v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2005] 3 CLJ 914 yang memutuskan bahawa Perintah Tahanan yang dikeluarkan oleh Menteri hanya boleh dicabar atas dasar ketidakpatuhan kehendak prosedur sahaja (non-compliance with any procedural requirement, and nothing else).

[15] Seterusnya dihujahkan bahawa Borang Perintah Perlanjutan bukan merupakan Borang Statutori ("Statutory Form") dan defendan pertama boleh mengubahnya berdasarkan kepada fakta yang relevan dan perubahan tersebut tidak akan menjadikan Perintah Perlanjutan dan Perintah Penggantungan itu cacat, tidak sah atau tidak berkuatkuasa. Apa yang lebih penting ialah "substance" dan bukan "form". Rujukan dibuat kepada kes *Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Minister Of Home Affairs), Malaysia* [1969] 1 LNS 65 yang memutuskan:

> (2) the defect (if any) in the detention order in setting out the objects and purposes of the detention in the alternative was a defect of form only and not of substance, it did not show that the executive had not adequately applied its mind to the desirability of detaining the appellant and therefore did not invalidate the order.

Keputusan Mahkamah

[16] Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa dalam perkara yang berhubung dengan tahanan pencegahan di mana seseorang ditahan tanpa bicara, apa-apa kecacatan dalam perintah tahanan boleh diambil faedah oleh orang berkenaan. Dalam kes *Mohd Amin Mohd Yusoh v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1995] 1 CLJ 94 Abdul Malik Ishak H (sebagaimana dia ketika itu) berkata:

> It is now trite law that the applicant in a *habeas corpus* application is entitled to take advantage of any technical defect or imperfection which has the effect of invalidating the second detention order under s. 8(7) of the ISA. Rigby J. in *Ex Parte Johannes Choeldi & Ors* [1960] 26 MLJ 184 especially at page 186 succinctly phrased it as follows:
>
> > ... the applicants in matters which concern their personal liberty, are entitled to avail themselves of any technical defects which may invalidate the order which deprives them of that liberty.

[17] Terdapat banyak nas yang diputuskan oleh mahkamah bahawa sekiranya sesuatu Perintah Tahanan, Perintah Perlanjutan Tahanan dan/atau Perintah Penggantungan dibuat tanpa mematuhi prosedur yang ditetapkan, perintah-perintah berkenaan adalah cacat, tidak sah dan tidak berkuatkuasa. Antara kes-kes tersebut ialah:

(i) *Muhammad Atam Abdul Wahab v. Minister of Home Affairs & Anor* [2000] 8 CLJ 402 apabila Mahkamah Tinggi memutuskan di halaman 410:

> As the detention was not in accordance with the procedure established by the law that it was founded on a defective order, the applicant thus was entitled to his freedom.

Di halaman 408, mahkamah seterusnya memutuskan:

> It is established law that it is incumbent on the detaining authority, in this case the Respondent to prove that the order is *ex facie* regular (*Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [1969] 1 LNS 65).

(ii) *Re Datuk James Wong Kim Min; Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min* [1976] 1 LNS 129; [1976] 2 MLJ 245 apabila Lee Hun Hoe Hakim Besar (Borneo) berkata di halaman 251:

> Where the detention cannot be held to be in accordance with the procedure established by the law, the detention is bad and the person detained is entitled to be released forthwith. Where the personal liberty is concerned an applicant in applying for a writ of *habeas corpus* is entitled to avail himself of any technical defects which may invalidate the order which deprives him of his liberty.

(iii) *Lee Weng Kin v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [1991] 2 CLJ 1301; [1991] 1 CLJ (Rep) 259, apabila Mahkamah Agung memutuskan di halaman 261:

> In accordance with our established principle as repeatedly demonstrated in our past judgments, the Court will apply a strict interpretation on laws whichrestrict or curtail the liberty of the subjects. This principle was expressed in *Re Datuk James Wong Kim Min* [1976] 2 MLJ 245 by Lee Hun Hoe CJ (Borneo) in the following terms:

> In a matter so fundamental and important as the liberty of the subject, strict compliance with statutory requirements must be observed in depriving a person of his liberty. The material provisions of the law authorizing detention without trial must be strictly construed and safeguards which the law deliberately provides for the protection of any citizen must be liberally interpreted. Where the detention cannot be held to be in accordance with the procedure established by the law, the detention is bad an the person detained is entitled to be released forthwith.

Thereafter, as Chief Justice Malaya, he once again propounded in *Tan Hoon Seng v. Minister of Home Affairs, Malaysia & Anor* [1990] 1 MLJ that:

> The law of preventive detention must be construed strictly and in the case of doubt the Court should lean in favour of the subject.

In a more recent judgment in *Poh Chin Kay v. Menteri Hal Ehwan Dalam Negeri, Malaysia* [1990] 2 MLJ 299, the learned CJ reiterated the judicial view on preventive detention:

> We are fully conscious of the government's effort to combat the drug menace in this country. But there is a fundamental principle involved here. The power to detain a person without trial cannot be exercised by inference. The power must be expressed, clear an unequivocal. Where detention law and the liberty of the individuals are concerned, this is the most correct approach for the Courts to apply. There is hardly any need to repeat what has been said on the principle to be followed by the Courts in dealing with detention law. The principles was emphasized in *Re Tan Boon Liat @ Allen & Anor* at p. 114 reiterated by this Court in *PP v. Koh Yoke Koon* and *Tan Hoon Seng v. Minister of Home Affair*. The appeals are allowed.
>
> The law on preventive detention under the Internal Security Act as in the Restricted Residence Enactment involves the deprivation or serious curtailment of a citizen's personal liberty and as such it must be subjected to a strict judicial interpretation. A citizen whose personal liberty is about to be deprived or seriously restricted has the right to be notified in the most authentic manner, the order which has been made against him.

[18] Adalah jelas bahawa s. 11A(1) Akta 316 memperuntukkan bahawa apabila Menteri memerintah sesuatu perintah yang disebut di dalam perenggan (a), (b), (c), dilanjutkan beliau hendaklah menyatakan di dalam perintah tersebut sama ada alasan-alasan yang terpakai adalah:

(aa) the same as the grounds on which the order was originally made; or

(bb) different form the grounds in which the order was originally made; or

(cc) partly the same grounds and partly different grounds.

[19] Adalah tidak dapat dipertikaikan bahawa alasan bagi Perintah Tahanan asal dan Perintah Perlanjutan dan Perintah Penggantungan adalah tidak sama kerana perkataan-perkataan "sedang ada kaitan" telah dipotong dan/atau ditinggalkan. Mahkamah menerima penjelasan defendan pertama bahawa perkataan-perkataan tersebut dipotong dan/atau ditinggalkan kerana mulai 25 April 2008 hingga 24 April 2010, plaintif sedang menjalani Perintah Tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak, Batu Gajah, Perak. Walaubagaimanapun, dengan pemotongan dan/atau perenggan perkataan-perkataan "sedang ada kaitan", alasan-alasan yang terpakai, dalam apa jua keadaan pun, tidak lagi sama dengan alasan yang terdapat dalam Perintah Tahanan asal. Oleh itu perenggan (aa) tidak sepatutnya digunakan oleh defendan pertama. Defendan pertama bukan tidak mempunyai alternatif lain. Beliau boleh bergantung kepada perenggan-perenggan lain yang relevan jika beliau menggunakan mindanya berdasarkan kepada fakta dan keadaan yang wujud dalam kes ini.

[20] Seksyen 11A(1) Akta 316 menetapkan prosedur di mana Menteri boleh melanjutkan sesuatu perintah yang dikeluarkan dan menghendaki beliau menyatakan alasan-alasan di mana Perlanjutan Perintah dibuat. Terdapat tiga keadaan alasan-alasan yang boleh dipilih iaitu (aa), (bb) dan (cc). Walaubagaimanapun, alasan-alasan yang telah dipilih oleh defendan pertama bagi melanjutkan perintah tidak menggambarkan alasan di mana perintah asal tersebut dilanjutkan. Justeru, kegagalan responden pertama memilih cabang yang betul, pada pandangan mahkamah, menunjukkan "on the face of the order itself it is *ex facie* irregular" dan menjadinya tidak sah dan tidak berkuatkuasa.

[21] Adalah tidak dapat dipertikaikan bahawa Perintah Perlanjutan ini dibuat oleh Menteri berupa (purpoted) atas alasan-alasan yang sama seperti perintah asal. Perkataan "same" (sama) telah diberi makna oleh beberapa kamus seperti berikut:

(a) Hyperdictionary

1. Not different or other; not another or others; identical; unchanged.

   Thou art the same, and thy years shall have no end.

   - Ps. Cii. 27.

2. Of like kind, species, sort, dimensions, or the like; not differing in character or in the quality or qualities compared; corresponding; not discordant; similar; like.

   The ethereal vigor is in all the same.

   - Dryden.

3. Just mentioned, or just about to be mentioned.

   What ye know, the same do I know.

   - Job. xiii.

   Do but think how well the same he spends, Who spends his blood his country to relieve.

   - Daniel

(b) The Free Dictionary

same

Adj

1. Being the very one; identical; the same boat we rented before.
2. Similar in kind, quality, quantity, or degree.
3. Conforming in every detail: according to the same rules before.
4. Being the one previously mentioned or indicated; aforesaid

(c) Merriam-Webster

Definition of Same

1. a: resembling in every relevant respect.

   b: conforming in every respect - used with as

2. a: being one without addition, change, or discontinuance: Identical

   b: being the one under discussion or already referred to

3. corresponding so closely as to be indistinguishable

4. equal in size, shape, value, or importance - usually used with the or a demonstrative (as that, those) in all senses.

[22] Dalam kes *Gurcharan Singh Bachittar Singh v Penguasa, Tempat Tahanan Perlindungan Kamunting, Taiping & Ors & Another Appeal* [2000] 1 CLJ 625, Mokhtar Sidin HMR berkata:

> It must be remembered that the order we are talking about was the extension order. It was a extension order of an initial order. **When one talks about an extension of something it is an extension of the original whereby whatever is contained in the original is applicable unless otherwise stated**. To me that is the natural meaning of the word extension. The Concise Oxford Dictionary gives the meaning of extension as: "1. The act or an instance of extending; the process of being extended. 2. Prolongation; enlargement. 3. A part enlarging or added on to a main structure or building. 4. An additional part of anything ... 6. An additional period of time, esp. extending allowance for a project etc ..." . In the present case the extension was the extension of the detention of the plaintiff under the initial order. (penekanan ditambah)

[23] Pada pandangan mahkamah ini, ia tidak memerlukan seseorang peguam yang terlatih untuk menyatakan bahawa apabila perkataan-perkataan "sedang ada kaitan" telah dipotong dan/atau ditinggalkan, alasan-alasan bagi Perlanjutan Perintah itu tidak lagi merupakan alasan-alasan yang sama dan s. 11A(1) perenggan(aa) Akta 316 tidak lagi terpakai dan relevan.

[24] Peguam Persekutuan telah menarik perhatian mahkamah kepada kes *Zali Shariff v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [2004] 5 CLJ 296 apabila Heliliah H (sebagaimana beliau ketika itu) memutuskan bahawa kecacatan, jika ada, dalam perintah terhadap pemohon yang membutirkan objektif-objektif dan tujuan-tujuan permohonan secara alternatif adalah satu kecacatan dalam bentuk (form) sahaja dan bukan pada "substance" dan ia tidak menunjukkan bahawa eksekutif tidak dengan secukupnya menekankan hasrat untuk menahan perayu. Oleh itu, ia tidak itu tidak menjadikan perintah tersebut tidak sah.

[25] Dengan hormat, kes di atas boleh dibezakan. Persoalan yang dibangkitkan dalam kes berkenaan ialah bahawa Timbalan Menteri tidak boleh membuat satu perintah untuk menahan seseorang di bawah s. 6(1) Akta 316 hanya dengan berpuashati atas fakta bahawa seseorang itu terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah. Dihujahkan oleh peguam pemohon bahawa apa yang Timbalan Menteri perlu lakukan terlebih dahulu sebelum beliau boleh menggunakan kuasa-kuasanya adalah:

(i) untuk berpuashati bahawa pemohon mempunyai kaitan dengan kegiatan-kegiatan yang melibatkan dadah; dan

(ii) untuk berpuashati bahawa ia adalah perlu demi kepentingan ketenteraman awam bahawa orang itu ditahan.

Dalam kes semasa, kecacatan dalam Perintah Perlanjutan dan Perintah Penggantungan adalah lebih serius kerana alasan-alasan yang dinyatakan bagi perintah-perintah tersebut secara nyata tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh s. 11A(1) Akta 316.

[26] Berhubung dengan hujah kedua yang dikemukakan oleh peguambela bijaksana, mahkamah bersetuju bahawa "undang-undang" dalam makna art. 5(1) Perlembagaan Persekutuan termasuklah undang-undang prosedur, terutama prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis. (Lihat kes *Tan Tek Seng v. Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan* [1966] 1 MLJ 268).

[27] Dalam kes *Union of India v. Yumnan Anand M Alias Bocha Kora Alias Suraj* [2007] 10 SCC 190, Mahkamah berkata:

> In case of preventive detention no offence is proved, nor any charge is formulated and the justification of such detention is suspicion or reasonability and there is no criminal conviction which can only be warranted by legal evidence. Preventive justice

A requires an action to be taken to prevent apprehended objectionable activities. (See *R v. Halliday* and *Kubic Darusz v. Union of India*). But at the same time, a person's greatest of human freedoms ie, personal liberty is deprived, and a meticulous compliance with the procedural safeguard, however technical, is mandatory. The compulsions of the primordial need to maintain order in society, without which enjoyment of all rights, including the right of personal liberty would lose all their meanings, are the true justifications for the laws of preventive detention. This jurisdiction has been described as a "jurisdiction of suspicion", and the compulsions to preserve the values of freedom of a democratic society and social order sometimes merit the curtailment of the individual liberty. (See *Ayya v. State of U.P.*). To lose our country by a scrupulous adherence to the written law, said Thomas Jefferson, would be to lose the law, absurdly sacrificing the end to the means. No law is an end itself and the curtailment of liberty for reasons of State's security and national economic discipline as a necessary evil has to be administered under strict constitutional restrictions. No *carte blanche* is given to any organ of the State to be the sole arbiter in such matters.

[28] Justeru, pematuhan ketat prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis adalah perlu bagi melindungi kebebasan rakyat terhadap pencerobohan oleh tindakan pihak eksekutif. (Lihat kes *Bhutnath v. State of West Bengal* AIR [1974] SC 806, *Foglar State of West Benghal* AIR [1975] SC 245). Prosedur dalam s. 11A Akta 316 bukanlah dibuat oleh mahkamah tetapi ditetapkan oleh statut. Ia bukan berkaitan dengan kepuasan subjektif Menteri Dalam Negeri untuk mengeluarkan Perintah Tahanan, Perintah Perlanjutan atau Perintah Penggantungan tetapi berkaitan dengan prosedur ketat yang perlu dipatuhi sekiranya Menteri Dalam Negeri ingin melanjutkan perintah berkenaan.

[29] Berdasarkan alasan-alasan yang dihuraikan di atas, mahkamah memutuskan bahawa Perintah Perlanjutan dan Perintah Penggantungan bertarikh 23 April 2010 adalah batal dan akibatnya plaintif hendaklah dibebaskan dengan serta-merta.